

# Jawatan Azim dalam BSN, MT dikaji

BH, 24 AUG 2001  
KUALA LUMPUR, Khamis

- Kedudukan Ketua Umno Bukit Bintang, Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) akan dikaji, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita perlu kaji mengenai perkara itu (kedudukan Abdul Azim sebagai Pengerusi BSN)

"Ini perkara yang memabitkan parti bukannya kerajaan," katanya ketika diminta mengulas kedudukan Abdul Azim yang dikenakan tindakan disiplin oleh Lembaga Disiplin Umno, semalam.

Abdul Azim adalah antara tiga ketua bahagian yang didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin Umno kerana terbabit dengan amalan politik wang dan salah guna kuasa ketika pemilihan peringkat bahagian, April lalu.

Beliau yang memulakan tugas sebagai Pengerusi BSN pada 1 Julai 1999 selepas mengambil alih jawatan itu daripada Datuk Ahmad Zahid Hamidi digantung hak memilih, diilih dan dilantik bagi sebarang jawatan dalam parti untuk tempoh tiga tahun.

Abdul Azim yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) digantung daripada memilih, dipilih dan dilantik ke sebarang jawatan di bahagian dan cawangan dari 18 Julai 2001 hingga 17 Julai 2004, tetapi kekal jawatan dalam MT.

Ditanya kedudukan Abdul Azim dalam MT, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata:

"Saya kena mengkajinya secara teliti. Ini adalah undang-undang Umno... saya bukannya peguam Umno," katanya.